

PM: Asia perlu berani betulkan kepincangan

UM 7 OCT 2002

Oleh ISMAIL DAUD DAN ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 6 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Asia perlu berani membetulkan kepincangan dalam ekonomi dunia hari ini bagi menghidupkan semula kegemilangan ekonomi benua itu.

Perdana Menteri berkata, ia boleh dilakukan dengan menggembleng tenaga menghadapi golongan tamak yang telah pun membentuk ekonomi dan kewangan dunia menerusi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

“Kita perlu menghalusi semula tafsiran globalisasi, cadangan rejim untuk perdagangan dan kewangan dunia.

“Apa yang sedang dirancangan adalah resipi untuk mengeksploitasi dunia oleh segelintir orang tamak yang sanggup memusnahkan dunia bagi mendapat beberapa bilion dolar untuk mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur 2002 anjuran Forum Ekonomi Dunia di Hotel Marriott di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, ekonomi dunia pada masa ini dilihat tidak lagi berada pada landasan yang betul dan boleh disifatkan sebagai suah dal sesat jalan.

“Peribahasa Melayu menyatakan kalau sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan. Kita perlu melihat kepada tahun-tahun gemi-

lang pertumbuhan dunia pada dekad 60-an, 70-an dan 80-an.

“Kita tidak perlu takut mengakui kesilapan kita dan kembali menjalankan perniagaan dengan betul,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kegiatan untuk mendapatkan keuntungan segera dengan merampas aset, jualan singkat, spekulasi, manipulasi mata wang dan memonopoli perniagaan harus dihentikan atau dikawal dengan peraturan.

“Lupakan idea bahawa pasaran boleh mengawal diri sendiri dan mendisiplin kerajaan kerana kerajaan masih relevan dan tahu bahawa mereka akan digulingkan jika tidak memperdulikan kebajikan rakyat.

“Pasaran hanya berminat untuk membuat keuntungan, bukannya kebajikan rakyat, negara atau perniagaan itu sendiri,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, perniagaan di seluruh dunia secara amnya tidak lagi menjalankan perniagaan sebenar seperti membuat barangan dan menyediakan perkhidmatan.

“Ya, kita masih mencipta, membangunkan, memasarkan barangan baru dan memperbaiki produk lama tetapi kegiatan perniagaan seperti itu sudah menjadi perkara sekunder.

“Apa yang dikehendaki oleh dunia hari ini ialah wang segera, wang yang diperoleh daripada spekulasi dan manipulasi, mereka yang tamak telah mengambil alih ekonomi dunia,” kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kenyataan sekarang

ialah perniagaan utama di seluruh dunia ialah jual beli saham, bukannya perniagaan sebenar yang melibatkan jual beli barangan atau perkhidmatan.

“Indeks pasaran saham menjadi lebih penting berbanding laporan tahunan syarikat termasuk akaun.

“Pengeluaran dan penjualan barangan dan perkhidmatan tidak lagi relevan,” ujar beliau.

Justeru, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Asia perlu mencari penyelesaian mereka sendiri kerana tidak semua perkara yang datang dari Barat adalah yang terbaik atau anugerah daripada Tuhan.

Katanya, sejarah telah membuktikan bahawa banyak sistem dan ideologi Barat yang gagal dan sejarah juga mencatatkan bahawa Barat sendiri yang menolak sistem mereka untuk digantikan dengan sistem yang kononnya lebih sempurna.

“Penggantian itu akan gagal lagi. Teori dan tafsiran mereka tentang globalisasi pada hari ini, juga akan menjadi seperti semua ideologi dan sistem yang mereka tolak,” katanya.

Beliau berkata, negara-negara Asia juga perlu pragmatik dan bersedia mengenyahkan prinsip ideologi bagi mendapatkan hasil yang dikehendaki.

“Kita perlu berani merintis jalan sendiri. Jika mereka (Barat) mengikut, itu sudah bagus. Jika tidak, itu pun bagus juga,” katanya.